



SHARIL (lima dari kanan) menyempurnakan gimik penyerahan sumbangan buku kepada Mazlan.

UMS sumbang buku kepada MBS

► Pupuk minat membaca dalam kalangan belia

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Sebanyak 366 naskah buku pelbagai judul hasil tulisan dan penyelidikan pensyarah-pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah disumbangkan kepada Majlis Belia Sabah (MBS).

Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Shahril Yusof berkata, sumbangan itu dijayakan menerusi Penerbit UMS sempena 'Kempen Jom Derma Buku' oleh MBS.

"Dalam kempen ini, MBS menyasarkan sumbangan

buku sebanyak 1,000 naskah yang akan disimpan di Pusat Sumber, Arena Belia MBS.

"Sokongan UMS kepada kempen MBS ini sebagai salah satu usaha memupuk minat membaca terutamanya dalam kalangan belia," katanya dalam majlis penyerahan buku di sini.

Beliau turut menyarankan

“ Sokongan UMS kepada kempen MBS ini sebagai salah satu usaha memupuk minat membaca terutamanya dalam kalangan belia ”

PROF DR SHAHRIL YUSOF

Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi)

MBS untuk bekerjasama dengan UMS dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang lain pada masa akan datang terutamanya yang melibatkan belia.

Katanya, penerbit UMS juga berpendapat sumbangan buku itu salah satu cara untuk menyebar luas penyelidikan dan penulisan pensyarah-

pensyarah UMS yang telah dibukukan.

"Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan 'keterlihatan' UMS sebagai sebuah penerbit akademik dalam kalangan masyarakat umum," katanya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Pengarah Penerbit UMSProf Madya Dr Asmiaty Amat dan Timbalan Pengarah Prof Madya Dr Patricia Matanjun.

MBS pula diwakili oleh Pengerusi Tetap MBS Mazlan @Joehari Manan, Ketua Penerangan MBS Mohd Zikri Zainudin dan Timbalan Setiusaha Kerja MBS Mohd Taufik Ismail.